

01 NOV 2003

Senat-Malaysia/I

SEKAT BANTUAN KETENTERAAN TIDAK PRODUKTIF, KATA PENGANALISIS

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 1 Nov (Bernama) -- Cadangan menyekat semua bantuan latihan ketenteraan ke Malaysia oleh Senat Amerika Syarikat (AS) sebagai hukuman terhadap kenyataan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai orang Yahudi adalah agak keterlaluan.

Seorang penganalisis Asia, Dana Dillon, berkata cadangan itu akan menghukum negara Asia Tenggara itu, bukannya Dr Mahathir.

"Cadangan mengenakan sekatan itu akan berkuatkuasa selepas Dr Mahathir bersara...Perdana Menteri baru (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) akan mewarisi krisis kerjasama ketenteraan dengan AS semasa memulakan khidmatnya dan ia akan mengeruhkan lagi hubungan AS-Malaysia," kata penganalisis dari Heritage Foundation, sebuah kumpulan pemikir di sini.

"Adalah prerogatif Kongres untuk mengambil tindakan seperti itu tetapi sekatan bantuan kepada Malaysia berdasarkan kenyataan Perdana Menteri yang telah bersara adalah tidak produktif dan baik kepada hubungan kedua-dua negara dan kepada usaha memerangi pengganas," katanya.

Beliau berkata Malaysia merupakan model negara sahabat AS di Asia Tenggara dan Kongres perlu memberi pertimbangan terhadap masa depan perhubungan itu.

Dr Mahathir yang bersara semalam, dikutuk oleh pemimpin-pemimpin Barat dan Eropah berhubung kenyataan beliau bahawa Yahudi menguasai dunia dengan menggunakan proksi semasa berucap merasmikan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di Putrajaya bulan lepas.

Senat AS sebelum ini dilapor sebulat suara bersetuju menyekat bantuan latihan ketenteraan ke Malaysia sehingga Setiausaha Negara menetapkan bahawa Malaysia menyokong dan menggalakkan kebebasan beragama bagi semua termasuk orang Yahudi.

Menurut Dillon, Perlembagaan Malaysia menjamin hak kebebasan beragama dan rakyat Malaysia daripada pelbagai agama mengamalkan agama masing-masing tanpa sekatan.

Malahan laporan tahunan mengenai kebebasan agama yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara menyebut bahawa penganut agama minoriti di Malaysia bebas mengamalkan agama mereka.

Malaysia ialah sebuah negara Islam sekular yang sederhana dan progresif, katanya.

Menurut Dillon, Malaysia juga rakan penting kepada AS dalam usaha memerangi keganasan antarabangsa.

"Malaysia menjadi persinggahan antara 15 hingga 20 kapal tentera laut AS setiap tahun, membenarkan lebih 1,000 penerbangan ketenteraan setiap tahun dan sejak peristiwa serangan 9-11, polis Malaysia telah menahan 70 anggota Jemaah Islamiah," katanya.

Kuala Lumpur memainkan peranan penting dalam usaha serantau bagi memerangi keganasan termasuk operasi bersama dengan Thailand, Filipina dan Australia.

"Penguatkuasaan undang-undang di Malaysia adalah kukuh dan ia menjadi tuan rumah kepada cadangan penubuhan pusat latihan anti pengganas serantau," kata Dillon.

-- BERNAMA

SH AZZ JK MOZ PR